

12 MAY 2001

Mahathir-Kedutaan

ST LUCIA MINTA MALAYSIA TUBUH KEDUTAAN UNTUK KEPULAUAN CARIBBEAN

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- St Lucia meminta Malaysia membuka kedutaan di Kepulauan Caribbean itu bagi mengeratkan hubungan dengan negara berkenaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, Perdana Menteri St Lucia Dr Kenny David Anthony dan delegasi negara itu kagum dengan apa yang dilihat di sini dan mengesyorkan hubungan dirapatkan supaya ada pertukaran maklumat, latihan dan sebagainya.

"Kita nak rapatkan hubungan dengan Kepulauan Caribbean...Beliau minta supaya kita buka kedutaan untuk semua Kepulauan Caribbean," kata beliau apabila ditanya pemberita selepas membuat kunjungan perpisahan terhadap Perdana Menteri St Lucia itu, di sebuah hotel terkemuka di sini.

Mengenai lawatan Presiden berkenaan ke Langkawi selama dua hari, Dr Mahathir berkata Dr Anthony berpendapat Langkawi mengingatkan beliau akan St Lucia sendiri yang merupakan sebuah pulau tropika.

Dr Anthony mendapat banyak idea daripada pulau lagenda itu untuk memajukan negaranya, kata Dr Mahathir.

Turut hadir pada pertemuan hampir sejam itu ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan isteri Dr Anthony, Rose Marie.

Perdana Menteri Kepulauan Carribean itu, isterinya serta tujuh anggota delegasi termasuk Menteri Perancangan, Pembangunan, Alam Sekitar dan Perumahan Dr Walter Francois berada di Malaysia untuk lawatan lima hari bermula Rabu lepas.

Dr Anthony tiba di Malaysia atas jemputan Dr Mahathir, pertama kali bagi seorang Perdana Menteri negara itu ke Malaysia.

St Lucia, sebuah negara pelancongan merupakan negara anggota Komanwel yang mendapat kemerdekaan pada 22 Feb 1979 dan mempunyai kira-kira 147,000 orang penduduk.

-- BERNAMA

SHS AFY PR